

14 NOV 2002

Khalil-Bantahan

PAS DAN KEADILAN MENANGGUK DI AIR KERUH

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob berkata Pas dan Keadilan cuba menanggung di air keruh dengan menyokong dua persatuan Cina yang membantah dasar pengajian Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris.

"Kita tahu ini satu jalinan politik yang tidak betul dan mereka sengaja menanggung di air keruh," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Hari Kualiti dan Persijilan MS ISO 9002 Jabatan Perkhidmatan Penerangan di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar semalam bahawa kedua-dua parti itu telah menyuarakan sokongan mereka terhadap Dong Zong (Gabungan Persatuan Sekolah Cina Malaysia) dan Jiao Zong (Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina) yang membantah dasar yang telah diputuskan oleh kerajaan itu.

Khalil, yang juga Setiausaha Agung Umno, berkata Umno, sebagai parti komponen Barisan Nasional, akan menyakinkan parti komponen lain untuk menerima keputusan yang telah dibuat oleh kerajaan.

Katanya parti-parti komponen tidak menunjukkan sebarang tentangan dan telah memberi jaminan untuk bersama-sama mempertahankan dasar itu.

Khalil juga berkata Kementerian Penerangan bercadang untuk mengalih bahasa buku Koleksi Ucapan Perdana Menteri dalam beberapa bahasa seperti bahasa Arab, Perancis, Sepanyol, Rusia dan Cina.

"Sudah ada buku Perdana Menteri yang telah dialih bahasa dalam bahasa lain seperti bahasa Arab dan mendapat sambutan yang baik," katanya.

Khalil berkata ramai pemimpin dari negara-negara Arab meminta supaya memperluaskan buku-buku itu supaya boleh dibaca oleh semua golongan.

Katanya pencetak-pencetak dari sana mencadangkan supaya buku-buku itu dicetak di Kaherah dan Beirut kerana kedua-duanya merupakan pusat penyebaran yang agak menyeluruh.

"Ini boleh dibuat dengan persetujuan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Pejabat PM," katanya.

Pada majlis itu Khalil menyampaikan Sijil MS ISO 9002:1994 kepada Jabatan Penerangan bagi perkhidmatan penyebaran maklumat mengenai dasar-dasar kerajaan, serta melancarkan buku Koleksi Ucapan Mahathir 2001 versi Bahasa Malaysia dan Inggeris, Madah Perdana dan kalender tahun 2003.

-- BERNAMA

MUN AHH MAI